

Pengambilalihan Nanyang, Umno tumpuan akhbar China

BH 23 JUN 2001
Oleh Teh Kean Kiat

KEHANGATAN isu pengambilalihan Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang Press) masih berterusan menjelang mesyuarat agung luar biasa (EGM) MCA, Ahad ini.

Menurut kolum analisis *China Press* keluaran Khamis lalu, bukannya mudah untuk menjadi akhbar parti kerana mereka harus berdepan dengan masalah kebebasan media, maruah, tanggungjawab terhadap masyarakat dan tahu cara menangani isu. Bukan itu saja, akhbar parti tidak harus takut rugi, dimarahi orang dan harus bermuka tebal.

Sebaliknya, penulis berpendapat bahawa jika semua akhbar menjadi akhbar parti, masyarakat akan menikmati keamanan dan kesejahteraan kerana rakyat tidak berpeluang menyalahgunakan kebebasan media untuk membuat kenyataan yang menjejaskan perpaduan dan keamanan negara.

Sabtu lalu, kolum analisis *China Press* menyifatkan mesyuarat agung luar biasa Ahad ini adalah pentas untuk menunjukkan kehebatan kedua-dua kumpulan MCA dan menentukan kedudukan masing-masing dalam parti itu.

Menurut penulis, dua kumpulan yang bertelagah berhubung isu itu menanggung risiko besar kerana pihak yang kalah kelak terpaksa mengikut telunjuk

pemenang, termasuk meletak jawatan.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah Huaren Holdings Sdn Bhd (Huaren), Yong Ming Sang dipetik *Sin Chew Jit Poh*, edisi Rabu lalu berkata, pihaknya sedang mengkaji menawarkan program pilihan saham kepada semua kakitangan *Nanyang Press*.

Beliau berkata, pelaburan Huaren dalam *The Star* menguntungkan sehingga mereka sentiasa memberi saham kepada kakitangan.

Katanya, pihaknya juga berharap dapat melepaskan kira-kira 50 peratus saham yang dimiliki Huaren untuk mengurangkan jumlah pinjaman.

Beliau berkata, saham *The Star* dan *Nanyang Press* akan membantu pihaknya mengurangkan kadar bayaran balik faedah pinjaman.

Dalam perkembangan lain, menurut Minda Pengarang *Sin Chew Jit Poh* edisi Jumaat lalu, Umno akan mendapat semula sokongan orang Melayu jika perwakilannya mengikut nasihat Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengubah persepsi menyesuaikan diri dengan keperluan semasa dan bersatu padu.

Bagaimanapun, akhbar itu berpendapat kekuatan Umno akan berkurangan jika perwakilan hanya melihat kepentingan di depan mata tanpa membuat sebarang perubahan pada diri sendiri.

Minda Pengarang *Nanyang Siang Pau* keluaran Jumaat lalu berpendapat bahawa untuk mengembalikan sokongan orang Melayu, Umno perlu bersatu bagi menguatkan parti.

Akhbar itu turut menasihatkan kerajaan mengkaji dasar sedia ada bagi mengatasi masalah orang Melayu yang tidak mempunyai daya maju diri.

Khamis lalu, menurut Minda Pengarang *Sin Chew Jit Poh*, Umno dalam menghadapi semua tekanan dari dalam dan luar parti supaya pimpinan parti itu mengubah pendekatan emosi dan meningkatkan imej parti bagi menghadapi parti pembangkang yang dilihat semakin kuat.

Menurut Minda Pengarang *Nanyang Siang Pau* pada Khamis lalu, Umno pada Perhim-



punan Agung ke-55 bukan saja memberikan bimbingan dari segi pemikiran, ia juga diselaraskan dengan langkah memperkukuhkan disiplin di kalangan ahlinya.

Minda Pengarang *Nanyang Siang Pau* keluaran Selasa lalu berpendapat Umno bukan saja perlu membasmi politik wang, tetapi yang penting ialah cara mengubah semangat dan budaya dalam parti itu keseluruhannya untuk menghadapi cabaran.

Akhbar itu berpendapat bukan mudah untuk Umno menghadapi pilihan raya umum akan datang berikutan ramai pengundi muda, pemikiran dan suara baru.

Sementara itu, menurut Minda Pengarang *Nanyang Siang Pau* pada Rabu lalu, Umno harus mengembalikan sokongan orang Melayu dan menghapuskan imej 'parti usahawan' selain membasmi gejala politik wang.

Akhbar itu turut menyifatkan Umno kini berada di persimpangan jalan dan pilihan yang dibuat bakal menjadi penentu masa depan parti itu.

Rabu lalu, menurut kolum analisis *Sin Chew Jit Poh*, Umno harus mempunyai satu matlamat dari arah tuju yang jelas serta tegas untuk mengatasi semua masalahnya.

Antara masalah yang dihadapi Umno ialah gejala politik wang, masalah mencari pengganti Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan sokongan rakyat terhadap Pas. Penulis berpendapat jika masalah itu tidak dapat diatasi Umno, ia akan menjajaskan usaha pembaharuan Umno.